



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**

**PEMAKLUMAN RASMI
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA:
KEMASUKAN PELAJAR KE IPT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
SECARA BERPERINGKAT**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Merujuk kepada Kenyataan Media daripada Menteri Kanan Kementerian Pertahanan Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Menteri Kuartet COVID-19 Ke-12 bagi memperhalusi cadangan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berhubung kemasukan pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) KPT. Ini termasuklah Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta setelah mengambil kira pandangan dan syor daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pihak Kerajaan membenarkan kemasukan pelajar IPT KPT secara berperingkat mulai 1 Mac 2022. Bagi tujuan tersebut, pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil maklum bahawa;

A. PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

1. Dalam usaha memastikan kemasukan pelajar ini dilaksanakan dengan selamat atau *Reopening Safely*, KPT bersama KKM telah menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang wajib dipatuhi termasuk UMP iaitu;

- i. Jumlah kemasukan pelajar yang dibenarkan ialah **sebanyak 70-100%** mengikut kapasiti secara berperingkat.
 - ii. Pelajar yang lengkap vaksinasi dan tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus. **Namun bagi pelajar IPT yang tidak divaksinasi lengkap, perlu membuat ujian RT-PCR dan berkeputusan negatif 3 hari sebelum masuk ke kampus**, namun tertakluk kepada tatacara kemasukan ke kampus yang ditetapkan oleh pihak universiti.
 - iii. Ujian pengesanan COVID-19 menggunakan kaedah **RTK-Ag** perlu dilakukan seminggu sekali bagi mereka yang tidak divaksinasi lengkap, **mengikut Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan** yang dikeluarkan oleh KKM. Tatacara pelaporan juga adalah tertakluk kepada tatacara pelaporan yang ditetapkan oleh pihak universiti.
 - iv. **Bagi pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu, hanya yang lengkap vaksinasi sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia.** Mereka juga wajib menjalani tempoh kuarantin selama 7 hari atau sekiranya telah mendapat dos penggalak, tempoh kuarantin ialah selama 5 hari.
 - v. Pihak UMP akan memastikan mempunyai kapasiti untuk menampung bilangan pelajar yang hadir secara fizikal dan sentiasa mematuhi SOP pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang ketat. **Sepanjang tempoh ini, PdP secara hibrid dan/atau secara dalam talian akan dilaksanakan di UMP.**
 - vi. Semua aktiviti sukan dan riadah perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM. Pelajar yang pulang ke kampus juga wajib mematuhi SOP umum seperti memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan diri.
2. Dalam setiap kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan, aspek keselamatan dan kesihatan warga universiti termasuklah para pelajar tetap menjadi keutamaan pihak UMP. Sehubungan itu, semua pelajar diseru agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan penuh berdisiplin dan bertanggungjawab.

B. Tarikh Kuatkuasa

Pemakluman rasmi ini adalah berkuat kuasa pada 9 Februari 2022.

Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pasca siswazah, pelajar boleh menghubungi Institut Pengajian Siswazah (IPS) di talian 09-431 5024 atau melalui emel ips.academic@ump.edu.my.

Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pra siswazah pelajar boleh menghubungi Fakulti masing-masing atau sila hubungi Pusat Pengurusan Akademik/ Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa di talian 09-431 5061/09-431 5026 atau melalui emel ppa@ump.edu.my / pejabat_tncaa@ump.edu.my

Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan pelajar, sila hubungi Bilik Gerakan UMP (09-431 6999) atau melalui emel admin_ihepa@ump.edu.my

Sekian Terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

“Teknologi untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 9 Februari 2022

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan
Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan | Dekan | Pengarah | Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita